

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. "Herodotus telah berjaya membuka lembaran baru dalam bidang pensejarahan."

Bincangkan.

2. "Tacitus adalah jurucakap mereka (golongan aristokrat). Sejarah yang ditulisnya merupakan luahan perasaan marah dan dendam empat generasi golongan aristokrat yang kecewa terhadap Maharaja." (Stephan Usher).

Setujukah anda?

3. "Penilaian tentang sumbangan Ranke seharusnya dimulakan dengan menyentuh kejayaannya menerokai penulisan sejarah moden." (R. Suntharalingam).

Bincangkan.

4. "Maka fakir karanglah hikayat ini ...supaya akan menyukarkan duli hadrat baginda."

Apakah ini boleh diertikan bahawa tujuan Tun Sri Lanang menulis Sejarah Melayu adalah demi untuk mengagung-agungkan raja-raja Melayu?

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Setengah ahli sejarah berpendapat bahawa pandangan F.J. Teggart yang mengatakan kajian sejarah harus tertumpu hanya kepada tindak tanduk manusia yang memberi kesan kepada sesuatu kelompok seperti rakyat atau negara itu adalah sempit.

Bahaskan.

6. Mengikut E.H. Carr untuk menyerahkan kejadian-kejadian sebagai akibat luar duga adalah untuk melepaskan tanggungjawab dari menyelidik sebab musabab.

Bahaskan.

7. Menurut Butterfield, ahli-ahli sejarah patutlah menumpukan perhatian mereka kepada memahami dan memaparkan secara lengkap dan terperinci semua butir-butir tentang hal yang dikaji tanpa menjatuhkan pengadilan moral.

Setujukah anda? Bincangkan.

8. Mengikut aliran Relativis, sejarah bukan sahaja tidak mampu memaparkan keseluruhan realiti masa lampau, bahkan pula melahirkan gambaran-gambaran yang bercanggah.

Bahaskan pendapat aliran ini dalam konteks keobjektifan dalam penulisan sejarah.